

JUMAAT 26 OGOS 2016

USAHAWAN PSP CARI PELUANG DI BATAM



Peserta rombongan bergambar kenangan di Politeknik Negeri Batam, Indonesia.

Usahawan PSP cari peluang di Batam

PERMATANG PAUH - Politeknik Seberang Perai (PSP) mengorak langkah ke peringkat antarabangsa dengan mengadakan lawatan Kolaborasi Pengantarabangsa Usahawan ke Batam Indonesia, baru-baru ini.

Lawatan empat hari itu dianjurkan Unit Keusahawanan PSP disertai 36 pelajar dan pensyarah dalam kalangan usahawan muda PSP sebelum ini terlibat dengan pelbagai aktiviti keusahawanan di kampus.

Pengarah PSP, Mejar (K) Zulkifli Ariffin berkata, objektif lawatan berkenaan ialah untuk memberi pendedahan dan hubungan kerjasama pintar dua hala antara PSP dengan pelbagai pihak di Batam, selain meninjau peluang untuk menjalinkan kolaborasi dengan institusi di Batam yang relevan.

Menurutnya, rombongan juga membawa produk inovasi PSP untuk dipamerkan dan dipasarkan di Batam.

"Program pengantarabangsaan keusahawanan ini dijangka dapat meningkatkan ilmu keusahawanan, jalin-

an hubungan serta menambah lagi kemahiran pelajar dan pensyarah dalam bidang keusahawanan dan kejuruteraan ke arah pencapaian hasrat kerajaan melahirkan graduan yang berciri keusahawanan serta pencipta kerja.

"Program pengantarabangsaan ini diharapkan dapat memenuhi indeks petunjuk prestasi (KPI) PSP bagi menambah bilangan penyertaan pelajar dan pensyarah dalam aktiviti keusahawanan di peringkat antarabangsa, selain dapat melakukan perkongsian ilmu melibatkan bidang keusahawanan seperti pemasaran produk, *business matching* yang dijalankan di Politeknik Negeri Batam," katanya di sini, semalam.

Selain itu, Zulkifli berkata, lawatan itu bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar dan pensyarah keusahawanan berkaitan bidang keusahawanan di peringkat global dan memupuk hubungan kerjasama nasional antara Politeknik di Malaysia dengan Politeknik Negeri Batam di Indonesia.

Katanya, sepanjang lawatan itu pihak PSP berpeluang berkunjung ke beberapa lokasi bagi merealisasikan objektif lawatan mereka iaitu seperti Politeknik Tourism Batam, Panti Asuhan Miftathul Hasanah Batam dan Yayasan Pendidikan Ibnu Sina.

Menurutnya, dalam lawatan terbabit juga pihak Unit Keusahawanan PSP berpeluang menandatangani surat hasrat *Letter of Intent* (LOI) bersama Politeknik Negeri Batam, Politeknik Tourism Batam dan Yayasan Pendidikan Ibnu Sina bagi program pertukaran pelajar melalui pelbagai aktiviti akademik dan sokongan kurikulum bagi memantapkan proses membangunkan sahiah pelajar serta meningkatkan lagi kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar.

"Kerjasama digariskan meliputi meningkatkan kemahiran dan kompetensi pensyarah antara kedua institusi dalam pelbagai bidang pembangunan dan penyelidikan, inovasi dan profesional," katanya.